

08/04/1998

Mahathir persoal perakuan IMF

JITRA, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempersoalkan perakuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) untuk memulihkan kegawatan ekonomi di rantau ini kerana setakat ini tidak ada sebarang tindakan dilaksanakan.

Perdana Menteri berkata, walaupun IMF berjanji untuk mengkaji cadangannya supaya diwujudkan peraturan perdagangan mata wang, setakat ini tiada sebarang perkembangan bagi melaksanakannya.

Bagaimanapun beliau tidak pasti mengapa IMF melengahkan cadangan itu walaupun sudah berjanji membuat kajian.

Dr Mahathir berkata, walaupun IMF dan Bank Dunia mengatakan kegawatan kewangan dan ekonomi rantau ini sudah berakhir, ia belum menunjukkan tanda-tanda pemulihan.

"IMF sudah memberi pengakuan tetapi apa yang penting sejauh mana mereka yang terbabit menguruskan dagangan wang akan berusaha menguatkan ringgit atau sebaliknya.

Katanya, walaupun IMF dan Bank Dunia beberapa kali mengiktiraf langkah kerajaan memulihkan kegawatan ekonomi, pedagang mata wang mempunyai pendapat sendiri dan tidak terpengaruh dengan unjuran kedua-dua badan itu.

"Kita dapati walaupun IMF, Bank Dunia dan semua pihak mengiktiraf kekuatan kita, ringgit masih jatuh. Walaupun bank mempunyai kepercayaan penuh, nilai mata wang kita masih di peringkat yang rendah," katanya.

Perdana Menteri berkata, dalam keadaan kedudukan mata wang yang tidak menentu, ada pihak yang mengaut keuntungan.

"Saya tidak tahu, tetapi saya fikir ia sangat mudah. Selagi nilai mata wang turun naik tidak menentu, mereka boleh dapat untung. Keuntungan mereka datang daripada keadaan mata wang yang tak tentu hala.

"Kalau nilai mata wang kita stabil maka mereka tidak akan untung. Jadi, dengan keadaan itu mereka sebenarnya tidak berminat untuk memulihkannya kepada keadaan sedia kala," katanya kepada pemberita selepas mengadakan rumah terbuka sempena Aidiladha di Dewan Jitra, di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Timbalan Pengarah Urusan IMF, Stanley Fischer semalam bahawa kegawatan kewangan dan ekonomi rantau ini sejak sembilan bulan lalu sudah berakhir.

Bagi Malaysia, menurut Fischer, pakej merangsangkan ekonomi yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 24 Mac lalu adalah baik dan menggalakkan.

Ditanya sama ada beliau masih menyalahkan pedagang mata wang walaupun kedua-dua badan dunia itu mengiktiraf langkah yang telah diambil kerajaan, Dr Mahathir berkata:

"Saya tak salahkan sesiapa... tak boleh menyalahkan orang lain... kita tak boleh salahkan sesiapa pun."

Perdana Menteri juga ditanya sama ada beliau berpuashati dengan perkembangan dan cara pengurusan pedagang mata wang.

"Dulu ringgit kita RM2.50 bagi satu dolar dan sekarang masih RM3.70 dan RM3.80 yang bermakna ringgit jatuh RM1.20 dan RM1.30 sen. Kita kena tambah bila nak beli barang luar negara.

"Ini bermakna kita terpaksa naikkan harga dan sebagainya dan ini menjadi beban kepada rakyat," katanya.

Mengenai langkah tambahan yang perlu dilaksanakan kerajaan bagi memulihkan kegawatan, Perdana Menteri berkata, beliau tidak pasti kerana pelbagai langkah telah diambil tetapi ringgit masih lemah.

"Dia orang (pelabur) tidak yakin tetapi nampaknya kita buat sesuatu

untuk meyakinkan pun tidak ada kesan juga. Saya tak tahu apa lagi yang nak ...," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, nilai sebenar ringgit sepatutnya berada pada paras normal, iaitu RM2.50 bagi satu dollar.

(END)